

PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

Shahril Wanteh¹, Noor Fadzilah Aris², Chin Chee Keong³

ipgm-2955@moe-dl.edu.my¹

Jabatan STEM, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun^{1,2,3}

Abstrak

Program Transformasi Minda (PTM) merupakan satu inisiatif Kementerian Pendidikan untuk menyediakan guru pelatih menghadapi kerjaya dalam profesion keguruan. Kajian ini dilaksanakan untuk meninjau pelaksanaan PTM dalam aspek kandungan program, penyampaian isi kandungan dan pencapaian objektif PTM dari perspektif guru pelatih IPGMK Tuanku Bainun. Data kajian ini dikumpul melalui soal selidik berskala Likert empat poin yang disediakan dalam Google Form. Seramai 347 guru pelatih IPGMKTB yang telah mengikuti PTM memberi respon untuk ketiga-tiga segmen dalam PTM. Kajian mendapati responden berpendapat kandungan program adalah menarik, relevan dengan kerjaya guru dan sangat membantu dalam membentuk generasi guru masa hadapan yang cemerlang. Dapatan juga menunjukkan penyampaian isi kandungan program oleh barisan fasilitator adalah jelas, menarik dan mudah difahami responden. Keseluruhannya, kandungan dan penyampaian PTM yang telah dilaksanakan adalah sangat baik dengan skor min melebihi 3.5. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kesemua objektif program tercapai dengan skor min melebihi 3.6 untuk setiap objektif. Objektif skor min tertinggi ialah penerapan nilai budaya kerja cemerlang dalam diri guru pelatih dengan berkesan. Justeru, kajian ini menyarankan agar Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meneruskan usaha dalam mengendalikan program bagi memberi pendedahan dan penyesuaian minda di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan pendidikan seterusnya menyediakan guru-guru yang dinamik dan progresif.

Kata Kunci: Program Transformasi Minda, persepsi, guru pelatih, fasilitator, profesion keguruan

Abstract

The Mind Transformation Program (PTM) is an initiative of the Ministry of Education to prepare trainee teachers for a career in the teaching profession. This study was carried out to review the implementation of PTM in terms of program content, content delivery and the achievement of PTM objectives from the perspective of IPGMK Tuanku Bainun trainee teachers. Data for this study was collected through a four-point Likert scale questionnaire prepared in Google Form. A total of 347 IPGMKTB trainee teachers who have attended PTM gave responses for all three segments in PTM. The study found that respondents thought the content of the program was interesting, relevant to teachers' careers and very helpful in shaping the future generation of excellent teachers. The

findings also show that the delivery of program content by the facilitator line is clear, interesting and easy for respondents to understand. Overall, the content and delivery of the PTM that has been implemented is very good with a mean score of over 3.5. In addition, this study also found that all program objectives were achieved with a mean score of over 3.6 for each objective. The objective of the highest mean score is the effective application of the values of excellent work culture in trainee teachers. Thus, this study suggests that the Public Service Department (JPA) continue its efforts in managing the program to provide exposure and adjustment of minds at the initial stage of appointment in the education service and then prepare dynamic and progressive teachers.

Keywords: Mind Transformation Program, perception, trainee teacher, facilitator, teaching profession

PENGENALAN

Program Transformasi Minda (PTM) bermula seawal tahun 2013 telah menggantikan Kursus induksi bagi pegawai lantikan baharu. Berdasarkan kurikulum dan penilaian di bawah program ini, peserta akan dinilai oleh seorang fasilitator untuk menilai aspek Disiplin, Komitmen dan Personaliti. Program ini diwajibkan kepada semua pegawai tetap lantikan baharu sebagai salah satu syarat sebelum disahkan dalam perkhidmatan.

Program ini bertujuan untuk melahirkan modul insan yang berdaya tahan dan kompetitif adalah pra-syarat penting bagi menggerakkan agenda transformasi kerajaan dengan berkesan untuk mencapai agenda pembangunan negara. Justeru, modul insan sektor awam perlu dibangunkan secara optimum di peringkat awal pelantikan agar dapat melahirkan pegawai yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif serta memiliki etika dan nilai yang sejajar dengan budaya negara. Salah satu objektif PTM adalah memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotik pegawai supaya lebih berketrampilan dan kemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam. Selain itu diharapkan agar PTM dapat menghasilkan nilai tambah dalam tugas dan keupayaan menyediakan pegawai yang membudayakan nilai-nilai murni. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan mengenai pelaksanaan Program Transformasi Minda (PTM) sebagai satu daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi.

Modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif adalah pra-syarat penting bagi menggerakkan agenda transformasi Kerajaan dengan berkesan untuk mencapai agenda pembangunan negara. Justeru, modal insan sektor awam perlu dibangunkan di peringkat awal pelantikan (dalam tempoh percubaan) secara optimum agar dapat melahirkan pegawai awam yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif yang inginkan kecemerlangan serta memiliki etika dan nilai yang sejajar dengan budaya negara. Cabaran utama membangunkan modal insan ialah menyediakan latihan yang mampu

mentransformasikan minda pegawai awam untuk menjajarkan perlakuan mereka dengan matlamat sebenar perkhidmatan awam dan ekspektasi rakyat agar selari dengan hala tuju negara dan perubahan persekitaran.

Perubahan minda yang ingin diterapkan sewajarnya menggalakkan pemikiran yang selari dengan aspirasi negara bagi menghasilkan nilai tambah dalam tugas dan berkeupayaan menyediakan pegawai awam yang membudayakan nilai-nilai murni perkhidmatan awam. Proses transformasi minda perlu bagi membangunkan modal insan secara holistik yang mesti dimiliki oleh pegawai awam bagi memandu pemikiran dan perlakuan dalam rutin harian. PTM diperkenalkan sebagai satu pendekatan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam. Nurul Syahirah (2016) mengatakan bahawa latihan program transformasi minda adalah satu komponen yang amat penting untuk menyediakan guru pelatih dengan pengetahuan secukupnya yang diperlukan untuk menjadi seorang pendidik. Hal ini secara tidak langsung telah melibatkan suatu perancangan teliti dalam pemilihan kandungan program, penyampaian kandungan yang tepat agar program berkesan dalam membentuk bakal guru yang berkualiti. Oleh itu persepsi guru pelatih terhadap Program Transformasi Minda perlu dinilai.

TINJAUAN LITERATUR

Transformasi bermaksud berlakunya satu bentuk perubahan sifat atau fungsi sesuatu yang ingin dilakukan. Musa et al.(2015) menyatakan transformasi terhasil daripada usaha untuk melakukan perubahan terhadap perkara yang masih berada pada takuk lama kepada sesuatu yang lebih baik atau berdaya saing. Abdullah Ghani et al. (2015) juga bersetuju bahawa transformasi merupakan sebahagian paradigma kepimpinan baharu dalam organisasi. Usaha ini dilaksanakan untuk menjamin kelangsungan organisasi di samping memastikan kecekapan dan keberkesanan organisasi dalam menyampaikan perkhidmatan. Dalam menangani cabaran perubahan, pemimpin perlu mempunyai kekuatan mental dan ketajaman daya analisis bagi menjana wawasan dan mampu menggariskan matlamat serta visi organisasi dengan jelas. Manakala kepimpinan transformasi adalah satu proses berlakunya perubahan dan transformasi dalam diri individu itu sendiri serta melibatkan beberapa perkara seperti etika, nilai, piawaian dan matlamat jangka panjang (Hassan et al., 2009). Justeru itu, kepimpinan transformasi perlu dimiliki dan ianya merupakan satu proses berlakunya perubahan dan transformasi dalam diri individu itu sendiri serta melibatkan beberapa perkara seperti etika, nilai, piawaian dan matlamat jangka panjang (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2014).

Transformasi organisasi melibatkan perubahan ketara dalam sifat dan fungsi sistem organisasi yang mewujudkan kelainan daripada status asal, peningkatan langkah-fungsi dalam bidang keberhasilan yang menjadi tumpuan. Dalam konteks transformasi organisasi awam pula, kerajaan

sentiasa menyeru penjawat awam agar memberikan perkhidmatan yang terbaik menepati peredaran dan keperluan semasa. Pencapaian dan kecemerlangan kepimpinan organisasi awam diukur melalui keberkesanan sistem nilai budaya, budi bahasa serta motivasi dalam menjalankan tugas. Lantaran itu, guru pelatih yang merupakan bakal guru masa hadapan wajar menjalani program transformasi organisasi seumpama ini agar persediaan secukupnya diperoleh sebelum turun ke dunia pendidikan sebenar kelak (Musa et al., 2015).

Objektif kajian iai adalah

- i. Menilai persepsi guru pelatih terhadap kandungan PTM sepanjang tempoh program dilaksanakan.
- ii. Menilai persepsi guru pelatih terhadap kaedah penyampaian fasilitator bagi Program Transformasi Minda.
- iii. Mengenalpasti objektif-objektif Program Transformasi Minda yang berjaya dicapai sepanjang program.

Untuk mencapai tujuan kajian, penyelidik menjalankan kajian untuk menjawab soalan-soalan kajian yang berikut:

- i. Sejauh manakah persepsi guru pelatih terhadap kandungan PTM sepanjang tempoh program dilaksanakan?
- ii. Sejauh manakah persepsi guru pelatih terhadap kaedah penyampaian fasilitator bagi Program Transformasi Minda?
- iii. Apakah objektif-objektif Program Transformasi Minda yang berjaya dicapai sepanjang program?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif kuantitatif. Reka bentuk ini dipilih kerana sesuai untuk meninjau pandangan dan persepsi guru pelatih terhadap pelaksanaan Program Transformasi Minda (PTM) dalam aspek kandungan program, penyampaian isi kandungan, dan pencapaian objektif. Reka bentuk deskriptif membolehkan penyelidik mendapatkan gambaran terperinci tentang pelaksanaan PTM berdasarkan data kuantitatif yang dikumpul melalui soal selidik.

Kajian ini melibatkan persampelan bertujuan di mana seramai 347 guru pelatih yang telah mengikuti PTM dipilih sebagai responden. Guru pelatih yang dipilih adalah mereka yang telah terlibat secara langsung dalam ketiga-tiga segmen PTM, menjadikan mereka sebagai sampel yang sesuai untuk menilai pelaksanaan program ini. Saiz sampel sebanyak 347 orang dianggap memadai untuk memberikan representasi yang baik tentang pandangan guru pelatih terhadap PTM.

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berskala Likert empat poin yang disediakan dalam Google Form. Soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian yang merangkumi *Bahagian A: Maklumat Demografi*,

Bahagian B: Penilaian Kandungan Program, Bahagian C: Penilaian Penyampaian Kandungan dan Bahagian D: Pencapaian Objektif PTM.

Soal selidik berskala Likert empat poin dibangunkan dan diuji rintis untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahihannya. Soal selidik disebarkan melalui Google Form kepada guru pelatih yang telah mengikuti PTM. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti skor min untuk menilai pandangan guru pelatih terhadap pelbagai aspek PTM. Analisis ini dilakukan untuk setiap segmen PTM serta keseluruhan program. Hasil analisis data dilaporkan secara terperinci, termasuk penilaian terhadap topik-topik utama dalam PTM, penyampaian kandungan, dan pencapaian objektif. Skor min yang diperolehi untuk setiap aspek dinyatakan untuk menunjukkan tahap keberkesanan PTM dari perspektif guru pelatih.

DAPATAN

Dapatan kajian ini diterjemahkan dalam bentuk min dan sisihan piawai dengan indikator tafsiran (Abdullah et al., 2014) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Skala dan Tafsiran Persepsi Guru Pelatih

Skala Min	Tafsiran
1.00 – 1.99	Rendah
2.00 – 2.99	Sederhana
3.00 – 5.00	Tinggi

Profil pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini menunjukkan majoriti responden adalah pelajar perempuan (73%) (Jadual 2). Pendidikan Agama Islam (34.5%) dan Pengajian Inggeris (23.8%) merupakan dua kumpulan utama pelajar yang terlibat dalam tinjauan ini.

Jadual 2

Demografi responden

		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	93	27.0
	Perempuan	252	73.0
Bidang Teras	Pendidikan Agama Islam	119	34.5
	Pengajian Inggeris	82	23.8
	Pengajian Seni Visual	65	18.8
	Pengajian Melayu	54	15.7
	Pengajian Cina	25	7.2

Dapatan 1: Persepsi Pelajar Terhadap Kandungan PTM

Secara keseluruhannya julat min purata bagi persepsi guru pelatih terhadap kandungan program untuk Segmen 1 adalah tinggi bagi ketiga-tiga aspek iaitu menarik minat, relevan dan juga membantu dalam profesion keguruan iaitu antara 3.52 - 3.74. Keputusan kajian ini menunjukkan kesemua topik yang terkandung dalam ceramah program bagi Segmen 1 iaitu Hala Tuju Negara, Menjana Negara Sejahtera & Bahagia, Sistem Pentadbiran Negara dan Overview Perkhidmatan Awam mendapat respon positif daripada guru pelatih. Dapatan kajian menunjukkan min tertinggi item soalan bahagian ini adalah 'Overview Perkhidmatan Awam'.

Jadual 3

Skor min dan sisihan piawai persepsi pelajar terhadap aspek kandungan Segmen 1

		Minat		Relevan		Membantu	
		Min	SP	Min	SP	Min	SP
1	Hala Tuju Negara	3.53	0.544	3.66	0.504	3.69	0.505
2	Menjana Negara Sejahtera & Bahagia	3.52	0.544	3.67	0.506	3.70	0.502
3	Sistem Pentadbiran Negara	3.54	0.543	3.70	0.482	3.71	0.486
4	Overview Perkhidmatan Awam	3.59	0.525	3.73	0.469	3.74	0.465

Bagi kandungan program Segmen 2 pula, julat min purata bagi persepsi guru pelatih juga adalah tinggi bagi ketiga-tiga aspek iaitu menarik minat, relevan dan juga membantu dalam profesion keguruan iaitu antara 3.57 - 3.76. Keputusan kajian ini menunjukkan kesemua topik yang terkandung dalam ceramah program bagi Segmen 2 mendapat respon positif daripada para guru pelatih. Item yang mempunyai persepsi tertinggi ialah item bernombor 7 iaitu Laluan Kerjaya Dalam Perkhidmatan.

Jadual 4

Skor min dan sisihan piawai persepsi pelajar terhadap aspek kandungan Segmen 2

		Minat		Relevan		Membantu	
		Min	SP	Min	SP	Min	SP
1	Pengenalan Kepada Organisasi	3.59	0.521	3.73	0.464	3.73	0.475

2	Tatakelakuan & Tatatertib	3.63	0.513	3.72	0.466	3.74	0.466
3	Peraturan Pegawai & Perintah Am	3.61	0.529	3.74	0.457	3.73	0.468
4	Isu Integriti & Keselamatan	3.57	0.535	3.71	0.479	3.73	0.483
5	Pengurusan Integriti	3.62	0.519	3.72	0.467	3.73	0.471
6	Rasuah	3.64	0.510	3.74	0.465	3.75	0.460
7	Laluan Kerjaya Dalam Perkhidmatan	3.68	0.498	3.76	0.446	3.75	0.459

Secara keseluruhannya julat min purata bagi persepsi guru pelatih terhadap kandungan program untuk Segmen 3 adalah tinggi iaitu antara 3.59 - 3.74. Keputusan kajian ini menunjukkan kesemua topik yang terkandung dalam ceramah program bagi Segmen 3 iaitu Ketrampilan Diri & Pengurusan Pegawai dan Pemikiran Kritis & Inovatif & Mengutamakan Masyarakat diperakui oleh responden bagi ketiga-tiga aspek iaitu menarik minat, relevan dan juga membantu dalam profesion keguruan.

Jadual 5

Skor min dan sisihan piawai persepsi pelajar terhadap aspek kandungan Segmen 3

	Minat		Relevan		Membantu	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP
1 Ketrampilan Diri & Pengurusan Pegawai	3.63	0.516	3.72	0.488	3.72	0.484
2 Pemikiran Kritis & Inovatif & Mengutamakan Masyarakat	3.59	0.520	3.74	0.471	3.74	0.472

Dapatan 2: Persepsi Pelajar Terhadap Penyampaian PTM

Kajian ini mendapati para responden telah memperakui bahawa penyampaian ceramah oleh barisan fasilitator bagi Segmen 1 adalah jelas, menarik dan mudah difahami. Sebahagian besar item yang berkaitan dengan penyampaian slot Segmen 1 telah mendapat skor yang tinggi. Item-item yang mendapat skor tinggi pada skala min 3.65 ke atas adalah daripada topik 'Overview Perkhidmatan Awam'.

Jadual 6

Skor min dan sisihan piawai persepsi pelajar terhadap aspek penyampaian Segmen 1

	Jelas		Menarik		Mudah difahami	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP
1 Hala Tuju Negara	3.57	0.545	3.51	0.565	3.52	0.575
2 Menjana Negara Sejahtera & Bahagia	3.56	0.535	3.48	0.575	3.51	0.565
3 Sistem Pentadbiran Negara	3.60	0.507	3.52	0.549	3.53	0.544
4 Overview Perkhidmatan Awam	3.65	0.496	3.57	0.539	3.58	0.522

Secara keseluruhannya julat min purata bagi persepsi guru pelatih terhadap aspek penyampaian untuk Segmen 2 adalah tinggi bagi ketiga-tiga aspek iaitu jelas, menarik dan mudah difahami iaitu antara 3.54 - 3.72. Keputusan kajian ini menunjukkan kesemua penceramah berjaya menyampaikan isi kandungan topik-topik bagi Segmen 2 iaitu Pengenalan Kepada Organisasi, Tatakelakuan & Tatatertib, Peraturan Pegawai & Perintah Am, Isu Integriti & Keselamatan, Pengurusan Integriti, Rasuah dan Laluan Kerjaya dalam Perkhidmatan Awam dengan cemerlang dan efisien. Ini dibuktikan dengan perolehan min yang tinggi bagi setiap item.

Jadual 7

Skor min dan sisihan piawai persepsi pelajar terhadap aspek penyampaian Segmen 2

	Jelas		Menarik		Mudah difahami	
	Min	SP	Min	SP	Min	SP
1 Pengenalan Kepada Organisasi	3.67	0.487	3.63	0.513	3.60	0.524
2 Tatakelakuan & Tatatertib	3.68	0.492	3.61	0.510	3.62	0.514
3 Peraturan Pegawai & Perintah Am	3.67	0.495	3.59	0.527	3.59	0.526
4 Isu Integriti & Keselamatan	3.63	0.506	3.54	0.564	3.56	0.530
5 Pengurusan Integriti	3.68	0.485	3.59	0.532	3.62	0.521
6 Rasuah	3.72	0.476	3.64	0.503	3.62	0.508
7 Laluan Kerjaya Dalam Perkhidmatan Awam	3.72	0.476	3.66	0.491	3.62	0.519

Bagi penyampaian Segmen 3 pula, julat min purata bagi persepsi guru pelatih juga adalah tinggi bagi ketiga-tiga aspek iaitu jelas, menarik dan mudah difahami iaitu antara 3.60 - 3.68. Keputusan kajian ini menunjukkan penyampaian ceramah tentang kesemua topik yang terkandung dalam Segmen 3 mendapat respon positif daripada para guru pelatih. Kedua-dua topik iaitu 'Ketrampilan Diri & Pengurusan Pelanggan' dan 'Pemikiran Kritis & Inovatif & Mengutamakan Masyarakat' mempunyai persepsi tertinggi.

Jadual 8

Skor min dan sisihan piawai persepsi pelajar terhadap aspek penyampaian Segmen 3

		Jelas		Menarik		Mudah difahami	
		Min	SP	Min	SP	Min	SP
1	Ketrampilan Diri & Pengurusan Pelanggan	3.68	0.496	3.60	0.519	3.62	0.525
2	Pemikiran Kritis & Inovatif & Mengutamakan Masyarakat	3.67	0.493	3.62	0.521	3.62	0.514

Dapatan 3: Pencapaian Objektif PTM

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa kesemua lapan objektif PTM tercapai. Ini terbukti daripada respon positif para responden dengan kesemua item berkaitan dengan objektif program mendapat skor yang tinggi iaitu pada skala min antara 3.66 - 3.70. Item yang mempunyai persepsi tertinggi ialah ' PTM menerapkan nilai budaya kerja cemerlang dalam diri responden dengan berkesan'. Manakala item-item lain masih dalam julat min tinggi.

Jadual 9

Skor min dan sisihan piawai pencapaian objektif Program Transformasi Minda

Item		Min	SP
1	Mendedahkan saya kepada konsep kenegaraan dan falsafah pembentukan negara dengan berkesan	3.66	0.497
2	Mendedahkan saya kepada sistem pentadbiran kerajaan dengan berkesan	3.67	0.495

3	Mendedahkan saya kepada peraturan-peraturan perkhidmatan awam dengan berkesan	3.68	0.504
4	Memupuk keperibadian, jati diri dan patriotisme saya dengan berkesan	3.68	0.492
5	Membantu saya menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam	3.68	0.489
6	Menerapkan nilai budaya kerja cemerlang dalam diri saya dengan berkesan	3.70	0.491
7	Mendorong saya menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan	3.68	0.495
8	Memupuk minda kelas pertama dalam diri saya dengan berkesan	3.68	0.492

PERBINCANGAN DAPATAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi guru pelatih terhadap kandungan Program Transformasi Minda (PTM) dan keberkesanan penyampaian fasilitator serta mengenalpasti objektif-objektif PTM yang berjaya dicapai sepanjang tempoh program dilaksanakan.

Hasil kajian memperlihatkan sebahagian besar guru pelatih Ijazah Sarjana Muda IPGM Kampus Tuanku Bainun yang mengikuti Program Transformasi Minda bagi pelajar PISMP IPG KPM bersetuju bahawa kandungan program yang terdiri daripada tiga segmen keseluruhannya adalah menarik, relevan dengan kerjaya guru dan sangat membantu guru pelatih dalam berhadapan dengan tugas sebagai guru pada masa akan datang. Dapatan kajian menunjukkan min tertinggi merupakan kandungan daripada Segmen 1- *Overview* Perkhidmatan Awam, Segmen 2 - Lualan Kerjaya dalam Perkhidmatan dan Segmen 3 - Ketrampilan Diri & Pengurusan Pegawai dan Pemikiran Kritis & Inovatif serta Mengutamakan Masyarakat. Aspek pemilihan kandungan di dalam PTM amat penting memandangkan program ini diperkenalkan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda guru pelatih di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam. Program yang merupakan syarat pengesahan dalam perkhidmatan ini dibentuk bagi membolehkan guru pelatih memahami prinsip dan falsafah pembentukan negara, jentera pentadbiran kerajaan dan peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam serta pembentukan jati diri bagi menghadapi cabaran semasa.

Dapatan kajian ini membuktikan ketepatan dan kejayaan pemilihan topik kandungan bagi program ini dalam memenuhi keperluan guru pelatih. Menurut Shone & Parry (2004), perancangan dan pengurusan program yang baik melibatkan beberapa peringkat operasi iaitu menetapkan objektif, merancang, mengatur, melaksana dan seterusnya menilai program tersebut. Burns et al. (2003) pula menegaskan pemimpin yang mengamalkan

kepimpinan transformasi mampu mengubah pengikut-pengikutnya menjadi pemimpin baharu yang kreatif. Jelas di sini, Program Transformasi Minda merupakan wadah untuk membangunkan kompetensi peserta program agar menjadi pemimpin guru berkesan masa hadapan (Nurul Syahirah, 2016). Ini memperlihatkan bahawa guru pelatih merasakan bahawa isi kandungan program yang dijalani berupaya memberi pendedahan dan penyesuaian minda pada peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam.

Hasil kajian turut mendapati sebahagian besar guru pelatih Ijazah Sarjana Muda IPGMKTB bersetuju bahawa penyampaian kandungan yang paling jelas, menarik dan mudah difahami oleh fasilitator adalah daripada Segmen 2 iaitu topik Laluan Kerjaya Dalam Perkhidmatan Awam. Ini menunjukkan barisan fasilitator yang juga merupakan pensyarah telah menjalankan tugas sebagai penceramah dengan cemerlang dan progresif terhadap para peserta PTM. Zbacnik (2015) menegaskan bahawa dalam memastikan hasrat pendidikan tercapai, sokongan bahagian pentadbiran termasuklah pensyarah adalah penting bagi proses pengajaran guru pelatih. Selain itu, Segmen 1- *Overview* Perkhidmatan Awam dan Segmen 3- *Ketrampilan Diri & Pengurusan Pelanggan* turut menjadi pilihan guru pelatih sebagai topik yang disampaikan secara jelas, menarik dan mudah difahami. Aspek ini juga merupakan aspek yang sangat penting dalam menjamin keberkesanan program di mana para fasilitator seharusnya kompeten menyampaikan maklumat agar berjaya membentuk guru yang berkualiti. Perolehan skor min 3.51 ke atas bagi semua konstruk juga membuktikan kejayaan para fasilitator memainkan peranan sebagai penceramah yang efisien seterusnya mampu mempertingkatkan kemahiran profesional dalam kalangan guru pelatih. Kesungguhan fasilitator dalam menyampaikan ceramah sepanjang program berjaya memberikan dorongan dan bimbingan kepada guru pelatih.

Secara keseluruhannya, hasil kajian bagi pencapaian objektif PTM menunjukkan kesemua lapan objektif program memperoleh skor min 3.6 ke atas. Objektif tertinggi dicapai ialah PTM berjaya 'Menerapkan nilai budaya kerja cemerlang dalam diri guru pelatih dengan berkesan' (skor min: 3.70) diikuti objektif 'Memupuk keperibadian, jati diri dan patriotisme dengan berkesan', 'Membantu guru pelatih menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam', 'Mendorong guru pelatih menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan' dan 'Memupuk minda kelas pertama dalam diri guru pelatih dengan berkesan' serta 'Mendedahkan guru pelatih kepada peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam dengan berkesan' (masing-masing skor min: 3.70). Ini menunjukkan kesemua objektif Program Transformasi Minda (PTM) yang telah dilaksanakan mencapai objektif yang dihasratkan.

IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi yang tinggi terhadap kandungan, penyampaian dan pencapaian objektif PTM. Hal ini mengimplikasikan bahawa PTM wajar dikekalkan sebagai komponen wajib

dalam latihan awal guru pelatih IPGM. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai justifikasi empirikal untuk meneruskan, menambah baik dan menstandardkan pelaksanaan PTM di semua kampus IPGM.

Skor min yang tinggi bagi topik seperti Overview Perkhidmatan Awam, Laluan Kerjaya dalam Perkhidmatan dan Ketrampilan Diri menunjukkan kandungan yang bersifat praktikal dan kontekstual lebih memberi impak kepada guru pelatih. Ini mencadangkan agar penambahbaikan PTM pada masa hadapan menekankan keseimbangan antara aspek teori, nilai dan aplikasi sebenar dalam profesion keguruan.

Keberkesanan penyampaian fasilitator yang dinilai tinggi mengimplicasikan bahawa kompetensi fasilitator merupakan faktor kritikal dalam menjayakan PTM. Oleh itu, pemilihan fasilitator yang berpengalaman serta latihan profesional berterusan kepada fasilitator perlu diberi perhatian bagi mengekalkan kualiti penyampaian program.

Pencapaian objektif PTM, khususnya dalam penerapan nilai budaya kerja cemerlang, jati diri dan minda kelas pertama, menunjukkan PTM berperanan sebagai mekanisme awal pembentukan identiti profesional guru. Ini mengukuhkan kepentingan latihan berasaskan nilai dalam melahirkan guru yang beretika, progresif dan selari dengan aspirasi perkhidmatan awam.

Kajian lanjutan boleh dijalankan secara longitudinal untuk menilai kesan jangka panjang PTM terhadap amalan profesional guru selepas mereka ditempatkan di sekolah. Ini penting bagi menentukan sama ada perubahan minda dan nilai yang diterapkan melalui PTM benar-benar diterjemahkan dalam amalan pengajaran sebenar. Selaras dengan perkembangan teknologi dan pembelajaran digital, kajian lanjutan juga boleh menilai keberkesanan integrasi pendekatan baharu seperti pembelajaran berasaskan teknologi, simulasi atau modul hibrid dalam pelaksanaan PTM.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa para guru pelatih PISMP IPGKTB telah memperakui bahawa kandungan Program Transformasi Minda adalah menarik, relevan dan sangat membantu guru pelatih dalam berhadapan dengan tugas sebagai pendidik kelak. Selain itu, peserta turut memperakui bahawa barisan fasilitator berjaya menyampaikan kandungan program dengan jelas, menarik dan mudah difahami. Kajian ini juga mendapati bahawa kesemua lapan objektif program tercapai dengan jayanya. Kesianambungan daripada dapatan, kajian ini mencadangkan khususnya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang mengendalikan Program Transformasi Minda agar meneruskan usaha-usaha positif seumpama ini bagi membimbing dan menyediakan guru-guru yang

cemerlang dan berdaya maju serta mencapai standard global demi kejayaan sistem pendidikan Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah, A. G., & Abd Rahman Abd Aziz, M. Z. (2008). *Gaya-gaya kepimpinan dalam pendidikan*. PTS Professional.
- Abdullah, A. H., Che Omar, M., Embong, R., Abu Bakar, N., & Ismail, I. S. (2014). Persepsi terhadap pengalaman praktikum dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.
- Abdul Ghani Abdullah.(2015). Kepimpinan transformasi pengetua dan penggantian kepimpinan sebagai penentu komitmen terhadap organisasi dan perlakuan warga organisasi pendidikan. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 20: 53-68.
- Burn, K., Hagger, H., Mutton, T., & Everton, T. (2003). The complex development of student-teachers' thinking. *Teachers and teaching*, 9(4), 309-331.
- Hassan, Z., Silong, A. D., & Muslim, N. (2009). Kepimpinan beretika dan kecemerlangan organisasi dalam perkhidmatan awam. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 10, 39-52.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2012). *Pekeliling Perkhidmatan bilangan 14 Tahun 2012*. Program Transformasi Minda.
- JPA. (2024, Julai). *Program Transformasi Minda Peneraju Perkhidmatan Awam*. Dimuat turun daripada <https://www.kompetensi.jpa.gov.my/ptm/>
- Musa, K., & Abd Halim, H. (2015). Kemahiran interpersonal guru dan hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 89-99.
- Samsu Tajuddin, N. S. (2016). An overview of Program Transformasi Minda Siri 1/2016. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.
- Shone, A., & Parry, B. (2004). *Successful event management* (2nd ed.). London: Thomson Learning. *Journal of Convention & Event Tourism*, 9(4), 78-256.
- Zbacnik, A. J. (2015). *Co-teaching in higher education: effects on pre-service educators' academic growth and attitudes towards inclusion in special education*. Saint Mary's University of Minnesota.